



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SEKOLAH RENDAH TAHFIZ AL-QURAN INTEGRASI AL-IRSHAD TERIMA BANTUAN RM100,000 MENERUSI INISIATIF SEKOLAH ANGKAT MALAYSIA MADANI

SEREMBAN, 11 Julai 2026 - Sekolah Rendah Tahfiz Al-Quran Integrasi Al-Irshad hari ini menerima bantuan kewangan berjumlah RM100,000.00 menerusi Inisiatif Sekolah Angkat Malaysia MADANI, sekali gus dipilih sebagai salah sebuah daripada 1,500 Sekolah Angkat Malaysia MADANI di seluruh negara bagi tahun 2026.

Bantuan tersebut disampaikan oleh Ketua Pengarah, Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri, YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, sempena Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Sekolah Angkat Malaysia MADANI yang diadakan di sekolah berkenaan.

Inisiatif Sekolah Angkat Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Kerajaan MADANI bertujuan memperkasa institusi pendidikan, khususnya sekolah agama dan tahfiz, melalui penyediaan bantuan kewangan bagi menaik taraf kemudahan, prasarana dan kebajikan warga sekolah.

Dalam ucapannya, YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin berkata bantuan yang disalurkan mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan hasil pembangunan ekonomi negara dapat diterjemahkan kepada manfaat yang dirasakan secara langsung oleh rakyat.

"Bantuan ini bukan sekadar menyediakan kemudahan fizikal yang lebih baik, malah merupakan pelaburan kerajaan dalam membangunkan modal insan serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif," katanya.

Peruntukan RM100,000.00 tersebut akan dimanfaatkan bagi melaksanakan beberapa projek penambahbaikan di sekolah, termasuk membaik pulih surau, membina ruang

menunggu ibu bapa, menaik taraf laman tani, menubuhkan koperasi sekolah serta projek-projek lain yang memberi manfaat kepada murid guru dan komuniti sekolah.

Beliau turut menyeru pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta komuniti setempat untuk berganding bahu menjayakan pelaksanaan projek-projek tersebut melalui semangat gotong-royong dan kerjasama.

Pada masa yang sama, beliau mengingatkan pihak pengurusan sekolah agar menguruskan peruntukan yang diterima secara berintegriti, telus dan berakuntabiliti bagi memastikan setiap ringgit dibelanjakan memberikan impak maksimum kepada pembangunan sekolah dan kesejahteraan murid.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
11 JULAI 2026
